

TEKS UCAPAN

**Y/BHG. DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD,
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**BAGI
MAJLIS PERASMIAN PESTA SUKAN JABATAN AKUANTAN NEGARA
MALAYSIA KALI KE ENAM.**

BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

- Yang Berusaha, Tuan Haji Ab. Gani bin Haron, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Pesta Sukan JANM Kali Ke 6
- Yang Berusaha, Tuan Haji Sahar bin Othman, Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
- Pengarah – Pengarah Bahagian,
- Pengarah – Pengarah Cawangan,
- Ketua – ketua Kontinjen
- Serta para peserta yang dihormati sekalian,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH HIWABAROKATUH dan SALAM SEJAHTERA

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama – sama berkumpul di Kompleks Sukan LADA yang indah ini, bagi menjayakan Pesta Sukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Kali Ke 6 yang berlangsung selama 5 hari bermula pada 27 April 2007 dan berakhir pada 1 Mei 2007.

Saya percaya, Pesta Sukan yang diadakan seperti ini, dapat mengeratkan lagi talian silaturahim di kalangan kita dalam satu keluarga JANM yang besar ini. Pada ketika inilah, kita dapat berkumpul beramai ramai, bertanya khabar di antara satu sama lain , bertegur sapa sesama kita serta berkenalan, dalam suasana penuh muhibbah dan semangat kerjasama di kalangan pegawai dan kakitangan yang berkhidmat tidak kira di mana samada di Ibu pejabat , di cawangan maupun di JMS atau agensi. Sememangnya tujuan pesta sukan ini amat baik dan amat dialukan kerana adalah penting bagi warga JANM dapat bekerja dan berfungsi sebagai sebuah pasukan yang mantap dan bersatu padu. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili zon masing – masing pada sukan ini akan dapat menyemarakkan lagi semangat berpasukan seperti ini. Tanpa kerjasama yang erat dan bersatu padu daripada semua pihak, sudah pastilah segala program yang dirancang tidak akan berjaya mencapai matlamatnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya juga menyokong penuh ke arah usaha - usaha dalam mengadakan serta menggerakkan aktiviti berbentuk kecergasan seperti ini di dalam program pembangunan modal insan JANM. Seperti yang tuan puan sedia maklum, sumber tenaga manusia atau modal insan ini adalah merupakan aset yang teramat penting yang perlu diberikan keutamaan supaya ianya akan lebih produktif, inovatif, berkeupayaan serta mempunyai ketahanan jati diri yang tinggi. Modal insan yang sihat dan cergas sahajalah yang berkeupayaan melaksanakan sistem penyampaian awam dengan berkesan serta dapat memuaskan hati pelanggannya sejajar dengan *tagline Excellent Accounting @ Your Service*. Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya kita semua bersama – sama untuk terus mengaktifkan diri sama ada secara individu atau berkumpulan, dalam apa jua aktiviti berbentuk kecergasan, bukan hanya dalam kejohanan sukan sahaja tetapi menjadikannya sebagai amalan harian dalam menjaga serta meningkatkan lagi kesihatan diri kita. InsyaAllah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sukacita saya mengambil kesempatan di sini, untuk memaklumkan sesuatu yang saya rasa dapat memberi khabar gembira kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Iaitu baru baru ini, Amanah Raya Capital Sdn. Bhd. (atau ARC), anak syarikat milik penuh Amanah Raya Berhad (atau ARB) telah menawarkan Pembiayaan Peribadi Bay Al – Inah kepada kita semua yang menjadi ahli KESAN. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah sebanyak 20 kali gaji pokok atau maksimum RM100,000.00 dengan kadar keuntungan serendah 5.50% setahun. Manakala tempoh maksimum pembayaran balik adalah selama 10 tahun melalui potongan gaji dimana jumlah potongan ini akan dikreditkan ke akaun KESAN sebelum KESAN membuat pembayaran ke ARC setelah menolak 1% daripada jumlah potongan sebagai sumbangan ARC kepada KESAN . Saya percaya tawaran pembiayaan ini adalah antara yang terbaik di pasaran dan dengan terlaksananya tawaran ini nanti, sumber kewangan KESAN akan dapat dipertingkatkan lagi. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang berminat bolehlah berhubung terus dengan Jawatankuasa KESAN.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Berbalik kepada Pesta Sukan ini, saya juga ingin mengingatkan di sini, dalam kesibukan kita bersukan nanti, senantiasalah kita menyedari bahawa dalam sesuatu pertandingan, kemenangan atau kekalahan bukanlah ukuran penting untuk menentukan kualiti sesebuah pasukan. Pasukan yang berkualiti dan baik itu adalah pasukan yang senantiasanya menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi, bersatu padu, bertoleransi, sikap menerima kekalahan serta meraikan kemenangan yang tidak keterlaluan. Saya amat berharap agar Pesta Sukan ini akan berjalan dalam suasana yang meriah dan ceria berlandaskan semangat kesukanan yang tulen.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Pengurusan Lembaga Pembangunan Langkawi (atau LADA) terutama kepada Dato' Kamarulzaman bin Abdul Ghani, Pengurus Besar LADA kerana membenarkan kita mengadakan pesta sukan di Kompleks Sukan LADA yang serba lengkap ini serta menggunakan kemudahan kemudahan yang ada. Terima kasih juga kepada semua pegawai dan kakitangan LADA yang terlibat dalam memberikan kerjasama dalam menjayakan pesta sukan ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih buat seluruh ahli jawatankuasa pengelola Pesta Sukan JANM Kali ke 6 termasuk semua yang terlibat dalam menganjurkan temasya kali ini.

Dengan lafaz Bismillahirrohmanirrohim, saya dengan ini merasmikan Pesta Sukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Kali yang Keenam.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warohmatullahi wabarokatuh dan salam sejahtera.